

TARIKH	20 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	51	RUANGAN	Niaga

Wang LTH masih mencukupi

KUALA LUMPUR - Lembaga Tabung Haji (LTH) yang sedang memuktamadkan pengambilalihan harta komersial pertamanya di London, masih mempunyai wang untuk membuat pembelian pada masa depan.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ismee Ismail berkata, lembaga berkenaan hanya menggunakan separuh daripada RM7 bilion yang telah diperuntukkannya untuk membeli hartanah di Malaysia dan luar negara.

Menurutnya, dana RM7 bilion itu merupakan 20 peratus daripada keseluruhan dana yang diuruskan oleh LTH yang kini berjumlah RM35 bilion.

"Saya rasa kita masih belum cukup melabur. Pelaburan dalam hartanah belum mencecah RM7 bilion. Tumpuan kita, pertamanya ialah terhadap harta di Malaysia dan kita telah mula melakukannya sejak tiga tahun lepas," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Ismee menerangkan, baki peruntukan sebanyak RM3.5 bilion mungkin habis digunakan keseluruhannya tahun ini meskipun ada banyak harta berdaya maju yang ditawarkan.

"Bangunan memang banyak, tetapi kita perlu berhati-hati dalam penilaian kita sebelum membelinya.

"Setiap tahun, kita kena memberi pulangan yang kompetitif jadi kita akan sentiasa kaji pelaburan yang boleh memberi pulangan yang berulang dan saya percaya sektor hartanah adalah satu sektor yang menjanjikan pulangan yang berulang setiap tahun," katanya. - Bernama